




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2009



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009



| Kandungan


Rasional Logo	03
Canselor	05
Profil Universiti	07
Lembaga Pengarah Universiti	09
Pengurusan Universiti	13
Dekan	15
Carta Organisasi	17
Laporan Naib Canselor	21
USIM KRA 1	25
USIM KRA 2	41
USIM KRA 3	55
USIM KRA 4	71
USIM KRA 5	79
USIM KRA 6	83
Laporan Kewangan	91
Sijil Ketua Audit Negara	97



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية التা�يالية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

RASIONAL LOGO

Rasional Logo



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

KUBAH

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.



LITAR

Litar yang bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.




REHAL

Tulisan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.



ARABES

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun islam.





Tuanku Canselor

YANG MAHA MULIA TUNKU NAJIAH BINTI
AL-MARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN

D.K., D.M.N., D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN) S.P.T.J., S.P.MK.



PROFIL UNIVERSITI

| Profil Universiti

MOTO

Berilmu•Berdisiplin•Bertakwa

FALSAFAH

Paduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

WAWASAN

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

MISI

Bertekad menjadi sebuah institusi terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

OBJEKTIF

1. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara.
2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
3. Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
5. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

DASAR KUALITI

USIM bertekad dan berlitzam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

- Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan stake holder universiti.
- Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti kearah memertabatkan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat.
- Menggunakan amalan terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto.


OBJEKTIF KUALITI

1. Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan USIM.
2. Mewujudkan dan mengekalkan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.
3. Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Pengerusi Lembaga Pengarah



Pengerusi Lembaga Pengarah
Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof b. Hj. Md. Noor

Lembaga Pengarah

Ahli - Ahli



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Sehingga : 30 November 2009



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
Bermula : 1 Disember 2009



Y. Bhg. Dato' Syed Amin Al - Jeffri



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh



Y. Bhg. Dato' Mohd Dahan Abd Latiff



Tuan Hj. Omar Abdul Rahman



Tuan Hj. Syed Azmi Syed Hamid



Y. B Dato' Ishak Sahari

Setiausaha



Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
Sehingga : 5 Jun 2009



Encik Muhammad Haizuan Rozali
Bermula : 6 Jun 2009



PENGURUSAN UNIVERSITI

Pengurusan Universiti



Naib Canselor



Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
Bermula : 1 Disember 2009



Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
Sehingga : 30 November 2009



Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Asin Dolah



Pendaftar



Tuan Hj. Addehan Hj. Abd. Rahman
Sehingga : 5 Jun 2009 Encik Muhammad Haizuan Rozali
Bermula : 6 Jun 2009



Bendahari
Pn. Hajah Rohani Abu
Sehingga : 26 Jun 2009



Pemangku Bendahari
Encik Zairul Hisham Ahmad Khulaimi
Bermula : 27 Jun 2009



Pengarah Unit Pembangunan
Ir. Daim Salan



Ketua Pustakawan
Encik Jasmin Jaimon



DEKAN

Dekan



Dekan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr.
Nik Mohd Nasri Nik Ismail



Dekan Fakulti Pergigian
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr.
Wan Mohammad Nasir Wan
Othman



Dekan Fakulti Sains & Teknologi
Y.Bhg. Prof. Dr.
Jalani Sukaimi



Dekan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
Y.Bhg. Prof. Datin Sri Dr. Hajah
Mizan Adilah Ahmad Ibrahim



Dekan Fakulti Syariah & Undang-Undang
Y.Bhg. Prof. Dr.
Abdul Samat Musa



Dekan Fakulti Ekonomi & Muamalat
Y.Bhg. Prof. Dr. Hajah
Mustafa Mohd Hanefah



Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Y.Bhg. Prof. Dr.
Bachok M. Taib



Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah
Y.Bhg. Dr. Adnan Mohamed
Yusoff



Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Y.Bhg. Prof. Madya Dr.
Bhasah Abu Bakar
Bermula : 1 September 2009



Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Y.Bhg. Dr. Rosni Samah
Sehingga : 31 Ogos 2009




CARTA ORGANISASI

Carta Organisasi



CARTA STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA





LAPORAN NAIB CANSELOR

Laporan Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia telah mengharungi dekad pertama dengan cemerlang. 10 tahun pertama sejak penubuhan sememangnya amat mencabar. Pelbagai cabaran dapat ditempuhi dengan penuh hikmah dan berkesan.

USIM terus bertekad untuk bergerak ke hadapan dengan langkah yang padu dan lebih teguh dengan melaksanakan tiga pelan tindakan pada tahun 2009. Pertama, menjajarkan struktur jabatan dan bahagian dengan kehendak strategi dan KRA. Kedua, bertekad melaksanakan teras bisnes (atau *core business*) seperti biasa, akan tetapi akan melaksanakannya dengan lebih bijak dan berkesan. Dan ketiga, melaksanakan program pengurangan pembaziran dalam perbelanjaan.

Penstrukturkan jabatan mula dilaksanakan pada tahun ini untuk menjajarkan gerak kerja dan peranan dengan Halatuju dan Strategi USIM. Keperluan penumpuan dan fokus kepada fungsi dan peranan bagi setiap modal insan di USIM diberi penekanan utama. Walaupun dihimpit kekangan ekonomi dan pengurangan bajet pengurusan melebihi 30%, USIM tetap mengorak langkah bertekad melaksanakan *core business* seperti biasa (*business as usual*). Segala aktiviti dan pelaksanaan dirancang dengan rapi dan lebih berhati-hati, lantas mengurangkan ketidakcekapan sumber dan perbelanjaan yang berlebihan. Dalam pada itu, pengurusan Universiti juga bersetuju untuk menggugurkan sementara akan sebahagian keistimewaan yang diperuntukkan kepada pengurusan tertinggi, dengan langkah bestari dan penuh hikmah.

Tahun 2009 menyaksikan penggarapan berterusan usaha memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan antarabangsa. Pendedahan mengantarabangsakan graduan terus diperkasa dengan program-program pengantarabangsaan termasuk program sangkutan dan lawatan-lawatan rasmi yang mempunyai potensi pengembangan akademik dan pengurusan kerjaya berjaya dilaksana seperti yang dirancangkan.

Kini USIM memberikan tumpuan kepada agenda-agenda kritikal yang menjadi bidang keberhasilan utama, iaitu *Key Results Area* atau KRA, yang mana ia akan menjadi kayu pengukur dan berdasarkan itu pencapaian USIM akan diukur kemudian nanti. Agenda-agenda atau KRA USIM yang dimaksudkan itu meliputi enam perkara penting yang dinyatakan seperti berikut:

- Pertama, membentuk dan melahirkan graduan yang holistik serta mempunyai daya gaji yang tinggi;
- Kedua, menawarkan program yang diiktiraf dan tersohor, bukan sahaja dalam negara tetapi juga diperingkat antarabangsa;
- Ketiga, membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta yang tersohor;
- Keempat, membentuk modal insan yang inovatif dan budaya kerja yang gemilang;
- Kelima, mencapai tahap kebebasan kewangan; dan
- Keenam, mengamalkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti

Pendekatan melahirkan graduan holistik yang mampu berdaya saing dengan pasaran amat ditekankan sebagai agenda paling utama dalam turutan USIMKRA yang diperkenalkan dengan memberi pendekatan terbaik dan menyeluruh; bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Pelbagai aktiviti promosi (dalam dan luar negara) serta hubungan dengan industri dilaksanakan agar USIM menerima kemasukan pelajar berkelayakan terbaik. Ini juga merangkumi aspek penyumbangan tenaga dan kepakaran dalam erti kata tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

USIM juga terus bertekad menawarkan program pengajian tersohor dan diiktiraf sehingga mendapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa. Penerapan dan penggunaan ICT dalam sistem pembelajaran dan pengajarannya menjadi terikan kepada peningkatan pelajar antarabangsa sama ada peringkat pra-siswazah dan pasca-siswazah. Hasilnya, USIM mendapat taraf Tier 4 dalam penarafan SETARA oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun ini.

Dalam membangun dan melahirkan pendeta dan cendekiawan tersohor, USIM kini membangunkan 5 Pusat Kecemerlangan (COE) bagi mempertingkatkan jalinan kerjasama, kolaborasi & penghasilan penyelidikan berimpak tinggi melalui 63 geran penyelidikan yang diluluskan pada tahun 2009. Hasilnya, ramai penyelidik USIM mendapat pelbagai kejayaan dan pengiktirafan kemenangan dalam dan luar negara.

Rancangan pewarisan juga diperkasa dengan penawaran pelbagai skim dan insentif yang mampu mengembangkan kerjaya staf akademik dan pentadbiran ke tahap yang lebih tinggi. Sistem tadbir urus yang cekap, telus dan ikhlas tetap menjadi agenda signifikan. Pemantapan kualiti dalam pentadbiran terus dijunjung dengan penempuhan empat (4) lagi jabatan berjaya mendapat Persijilan MS ISO9001:2008 pada tahun ini.

Sementara itu, USIM akan terus berusaha meningkatkan sumber kewangannya kepada 30% daripada bajet tahunan yang diperuntukkan Kerajaan. Pelbagai akitiviti yang mampu menjana pendapatan dan dapat meningkatkan sumber kewangan terus digerakkan. Maka, USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi mempergiatkan lagi penjanaan sumber. Pelbagai kursus pengajian dan program sijil telah mendapat perhatian masyarakat luar kampus dan ini akan terus mengembangkan pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat disamping menjana pendapatan kepada USIM sendiri.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada seluruh warga USIM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi serta mahasiswa/i di atas usaha gigih dan sokongan padu kepada USIM sepanjang tahun 2009 ini.



PROF. DATO' DR. MUHAMAD MUDA
Naib Canselor





USIM KRA1

Membentuk & Melahirkan Graduan Holistik dan Berdaya Gaji Tinggi

Laporan Tahunan 2009





USIM KRA 1

MEMBENTUK DAN MELAHIRKAN GRADUAN YANG HOLISTIK SERTA MEMPUNYAI DAYA GAJI YANG TINGGI

Usaha-usaha perlu dilaksanakan agar graduan yang dilahirkan USIM menceburkan diri dalam aspek kepimpinan yang luas bukan sahaja berjaya tetapi juga melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran menyeluruh serta mendapat pasaran pekerjaan masa ini.

Bagi merealisakan hasrat tersebut beberapa aktiviti utama yang telah digaris oleh pihak USIM dalam memastikan USIM KRA1 tercapai. Pelbagai aktiviti dilakukan bagi mensasarkan agar calon yang masuk ke USIM terdiri daripada calon yang terbaik dan mempunyai kelayakan yang tinggi. Beberapa program promosi telah dilaksanakan kan sepanjang tahun 2009 seperti berikut :

a) Program Promosi oleh Pusat Tamhidi.

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Karnival Pendidikan Kerjaya	14-15 Mac 2009	Seremban Parade, Negeri Sembilan
2.	Karnival Pendidikan Melaka 2009	2 – 5 April 2009	MITC, Ayer Keroh
3.	Penyertaan ke MAPCU- MQA Higher Education Fair	4 – 5 April 2009	PWTC
4.	Pameran Karnival Kerjaya	8 – 9 April	Sek.Men.Keb Ketereh, Kota Bharu
5.	Lawatan Sambil Belajar ke USIM	9 April 2009	SMK Falahiah, Kelantan
6.	Pameran Pengajian Tinggi peringkat Sekolah 2009	16 April 2009	Sek. Men. Keb Tun Hussein Onn
7.	Pameran Pendidikan Pengajian Tinggi di Malaysia	19 April 2009	SMK. SHAMS Seremban, Negeri Sembilan
8.	Pameran Pendidikan & Kerjaya Sempena Minggu Kerjaya	23 April 2009	Sek Men Agama Hulu Langat
9.	Lawatan ke Pusat Tamhidi – SMK SHAMS	23 April 2009	Universiti Sains Islam Malaysia
10.	Karnival Pendidikan Kerjaya – SMK Kg.Baru	25 April 2009	SMK Kg Baru Sri Rusa, Port Dickson
11.	Seminar dan Pameran Kerjaya	29 April 2009	Universiti Malaysia Kelantan
12.	Pameran Pendidikan sempena Hari Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum	30 April 2009	SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
13.	Ekspo Pendidikan	12 – 13 Mei 2009	Sabah
14.	Festival Hari Guru 2009	14 – 17 Mei 2009	Terengganu Trade Center, Kuala Terengganu
15.	Pameran MOHEX	20 – 21 Jun 2009	Johor Bahru
16.	Pameran MOHEX	27 – 28 Jun 2009	Batu Pahat, Kluang & Segamat
17.	Taklimat Promosi Program Pengajian di USIM (Sarjana Muda & Tamhidi)	21 – 22 Julai 2009	-Maahad Ahmadi Tanah Merah, -Maahad Saniah Pasir Puteh, -Maahad Pengajian Islam Kota Bharu, -SMK Agama Melor, -SMK Agama Wataniah, Kelantan.
18.	Hari Informati- MAPCU Study Malaysia	23 Julai 2009	Hotel Park Avenue, Kedah
19.	Minggu Kerjaya Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	14 – 16 Ogos 2009	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
20.	Karnival Pendidikan Tinggi & Pameran Kerjaya kali ke-7	1 Oktober 2009	Kolej Matrikulasi Johor
21.	Karnival Pendidikan Kerjaya	10 – 12 November 2009	Kolej Matrikulasi Kedah
22.	Pameran & Promosi IPTA Sempena Karnival Pendidikan	13 – 15 November 2009	Kolej Matrikulasi Perlis
23.	Pameran & Promosi IPTA Sempena Karnival Pendidikan	16 – 18 November 2009	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
24.	Pameran & Promosi IPTA Sempena Karnival Pendidikan	20 November 2009	Kolej Matrikulasi Pahang
25.	Pameran & Promosi IPTA Sempena Karnival Pendidikan	1 – 4 Disember 2009	Kolej Matrikulasi Perak
26.	Pameran & Promosi IPTA Sempena Karnival Pendidikan	10 – 13 Disember 2009	Kolej Matrikulasi Labuan
27.	Pameran & Promosi IPTA sempena Karnival Pendidikan	17 Disember 2009	Kolej Matrikulasi Melaka

b) Program Menikmati Kehidupan di Kampus oleh Pusat Tamhidi

Program Menikmati Kehidupan Di Kampus yang telah berlangsung pada 15 hingga 18 Februari 2009 telah diadakan di sekitar Kampus USIM. Progam yang dianjurkan oleh Pusat Tamhidi ini adalah dalam usaha memperkenalkan USIM secara terus kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang berpotensi menjadi bakal pelajar USIM. Selain itu antara lain objektif diadakan program tersebut adalah untuk memberi maklumat yang tepat kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang berpotensi menjadi bakal pelajar USIM mengenai peluang pengajian di peringkat Tamhidi di USIM. Selain daripada itu program ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menjadikan USIM pilihan pertama pelajar-pelajar lepasan SPM.

c) Program Promosi oleh Fakulti Pergigian

BIL.	NAMA AKTIVITI / PROGRAM	TARIKH
1.	Aktiviti Promosi Fakulti Pergigian ke Sekolah Menengah Agama Tinggi Hishamudin	14 Februari 2009
2.	Aktiviti Promosi Fakulti Pergigian ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah	7 Mac 2009
3.	Pemeriksaan Kesihatan Pergigian sempena Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Akademik 2009/2010	26 Jun 2009
4.	Parmeran Dan Pemeriksaan Kesihatan Pergigian Percuma Sempena Pesta Konvokesyen Ketujuh USIM	1 & 2 Ogos 2009
5.	Majlis Perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan Pelancaran sistem e-Klinikal	7 Oktober 2009
6.	Aktiviti Promosi Fakulti Pergigian ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Mohd. Said, Seremban	17 Oktober 2009
7.	Aktiviti Promosi Fakulti Pergigian ke Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu	24 Oktober 2009

d) Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 "JOM MASUK U"

USIM telah turut serta dalam Program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2009. KPTN 2009 adalah program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Program KPTN 2009 dengan tagline "JOM MASUK U" ini dilaksanakan di 8 buah Zon di seluruh negara seperti di jadual berikut:

Zon	Tarikh	Lokasi
Zon 1	17-18 Januari 2009	PWTC, Kuala Lumpur
Zon 2	31 Januari – 1 Februari 2009	Dewan 2020, Kangar, Perlis
Zon 3	14 -15 Februari 2009	1 Borneo Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah
Zon 4	28 Februari – 1 Mac 2009	Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang
Zon 5	14 – 15 Mac 2009	Melaka International Trade Center (MITC), Ayer Keroh, Melaka
Zon 6	22 – 23 Mac 2009	Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Zon 7	28 - 29 Mac 2009	Stadium Perpaduan Petra Jaya, Kuching, Sarawak
Zon 8	4 – 5 April 2009	Plaza Angsana, Johor Bharu

e) Senarai Lawatan Dalam Negara

BIL	ORGANISASI	TARIKH	PTJ Terlibat
1.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMKA Agama Kedah	16 Januari 2009	FSU
2.	Lawatan Sambil Belajar SMKA Sharifah Rodziah, Melaka	14 Februari 2009	UPA
3.	Lawatan dari PLKN	4 Mac 2009	BHEP
4.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA Muadzam Shah Pahang	13 Mac 2009	FPQS
5.	Lawatan dari SMKA Pahang, Muadzam Shah	13 Mac 2009	UPA
6.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA Tumpat Kelantan	16 Mac 2009	UPA
7.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA (P) Kangar	16 Mac 2009	FPBU
8.	Lawatan Penandaarasan dari Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia	7 April 2009	UPA
9.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA Palong II, Negeri Sembilan	21 April 2009	FPBU

BIL	ORGANISASI	TARIKH	PTJ Terlibat
10.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA Simpang Lima, Sungai Besar	29 April 2009	UPA
11.	Lawatan Kerja Dari Fakulti Pergigian UKM	29 April 2009	FPG
12.	Lawatan Penandaarasan dari Politeknik Port Dickson	30 April 2009	UPA
13.	Lawatan Jabatan Fiqh dan Usul Al Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa	12 Mei 2009	ZSU
14.	Lawatan Sambil Belajar dari Sekolah Menengah Agama Jeram	29 Mei 2009	UPA
15.	Lawatan Sambil Belajar dari SMK Tun Abdul Razak	11 Jun 2009	FKP
16.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMK Dato' Abdul Rahman Yaakub, Bota Perak	18 Jun 2009	FKP
17.	Lawatan Sambil Belajar dari SMK Bandar Penawar Kota Tinggi, Johor	6 Julai 2009	FSU
18.	Lawatan Sambil Belajar dari SMKA Al-Mashoor (L) Pulai Pinang	4 Ogos 2009	FKP
19.	Lawatan dari Multimedia Synergy Corporation	4 Ogos 2009	UPA
20.	Lawatan dari Sek Men Keb Agama Bandar Penawar Kota Tinggi, Johor	6 Ogos 2009	FSU
21.	Lawatan Sambil Belajar Dari KIPSAS	8 Ogos 2009	FEM
22.	Lawatan Delegasi Program 'Bas Belia MABIMS'	11-12 Ogos 2009	UPA
23.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMKA Johor Bahru	15 Ogos 2009	FST
24.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMKA Nibong Tebal	5 November 2009	UPA
25.	Lawatan Sambil Belajar SMRA Kuala Klawang	18 November 2009	UPA
26.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMKA Yan	20 November 2009	FSU
27.	Lawatan Sambil Belajar Dari SMK Lubok China	20 November 2009	FKP
28.	Lawatan dari Pelajar Pergigian Universiti Sains Malaysia (USM)	25 Disember 2009	FPG

f) **Senarai Lawatan Antarabangsa**

BIL	ORGANISASI	TARIKH	PTJ Terlibat
1.	Lawatan Kerja dari Universiti Damsyik, Syria	12 Januari 2009	UPA
2.	Kunjungan Hormat Universitas Negeri Jakarta	28 Januari 2009	UPA
3.	Lawatan dari Kementerian Pengajian Tinggi & Kajian Saintifik, Jordan	24 Mac 2009	UPA
4.	Lawatan dari Institut Tahfiz Al-Quran dan Sultan Haji Hasanal Bolkiah, Brunei	24 Mac 2009	FPQS
5.	Lawatan Kerja dari Universiti Sun Yat Sen, Guangzhou, China	1 April 2009	UPA
6.	Lawatan Kerja dari Delegasi University of Thailand	7 April 2009	Perpustakaan
7.	Lawatan Kerja dari PERDAUS, Singapura	15 April 2009	UPA
8.	Lawatan Delegasi Fakultas Hukum Universitas Airlangga Surabaya	23 April 2009	FSU
9.	Lawatan Delegasi University Of Gaza (IUG)	9 Jun 2009	UPA
10.	Lawatan Fakultas Hukum Universita Diponegoro Indonesia	7 Ogos 2009	FSU
11.	Lawatan dari Universiti Of Liverpool	18 November 2009	FSU
12.	Lawatan dari UNISSA Brunei	11 Disember 2009	UPA
13.	Lawatan dari Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri, Ponogoro, Indonesia	21 Disember 2009	UPA

Petunjuk :

- FSU - Fakulti Syariah dan Undang-undang
- UPA - Unit Perhubungan Awam
- BHEP - Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- FPQS - Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- FPg - Fakulti Pergigian
- FKP - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- FEM - Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- FST - Fakulti Sains dan Teknologi
- FPBU - Fakulti Pengajian Bahasa Utama



DAYA SAING GRADUAN

Bagi memastikan graduan USIM mampu bersaing dan berdaya gaji tinggi, pelbagai program telah dilaksanakan agar graduan USIM diterima industri. Pusat Hubungan Industri dan Khidmat (PHIK) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2008 dengan mempunyai dua portfolio iaitu Hubungan Industri dan Khidmat. Ia ditubuhkan di atas dasar di mana hubungan Universiti-Industri kini telah menjadi satu kemestian di Universiti-universiti di mana kumpulan kecil di Universiti memulakan kerjasama strategik dengan industri dan akhirnya di formalisasikan kepada yang lebih mantap.

Aktiviti perhubungan industri dilihat sebagai pelaburan strategik yang mampu menjana pulangan dan impak bagi meningkatkan keuntungan pada pihak syarikat dan pada masa yang sama menambah dana Universiti berkonsept sama-sama menang (*win-win situation*).

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PHIK sepanjang tahun 2009:

- (a) Lawatan ke Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., KLIA pada 11 Februari 2009.
- (b) Lawatan ke Malaysia Airports Holdings Berhad (Sultan Abdul Aziz Shah Airport, Subang) pada 26 Februari 2009
- (c) Lawatan ke Bank Simpanan Nasional pada 6 April 2009
- (d) Lawatan ke Johor Corporation pada 27 April 2009
- (e) Lawatan ke Golden Hope Food & Beverages Sdn Bhd pada 18 Mei 2009
- (f) Lawatan ke EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUMCCI) pada 10 Julai 2009
- (g) Lawatan ke SME Bank pada 25 Ogos 2009

Forum Universiti-Industri



Forum Universiti-Industri telah diadakan dengan jayanya pada 5 Mei 2009. Forum ini diadakan bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai penyelidikan yang dijalankan di Universiti dan melihat aspek aplikasi dalam industri bagi menyokong aspirasi membentuk ekonomi berdasarkan inovasi. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk melihat potensi yang ada pada penyelidikan sedia ada dan yang telah selesai yang boleh dimanfaatkan oleh industri menerusi pengkomersialan. Faedah forum ini akan dapat menggerakkan aktiviti perundingan, pemasaran hasil penyelidikan dan pengkomersialan secara umum di mana kedua-dua pihak Universiti dan Industri akan mendapat manfaatnya.

Lawatan Industri

Beberapa buah fakulti telah mengadakan program lawatan ke Industri bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar serta membina hubungan dengan organisasi luar. Antara program lawatan oleh pihak Fakulti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut :

a) Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (FPQS)

- Institut Integriti Malaysia Kuala Lumpur
- Perpustakaan Peringatan Kuala Lumpur dan Petronas Resource Centre (PRC) KLCC
- MAINS
- Darul Quran, JAKIM
- Multimedia University & JAKIM (Unit Media Elektronik & Penyiaran)

b) Fakulti Syariah Dan Undang – Undang (FSU)

- Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia
- Bery's Chocolate Wonderland, Kawasan Perindustrian Seri Kembangan Selangor
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kuala Lumpur
- Parlimen Negara, Kuala Lumpur
- Muzium Negara

c) Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)

- Sekolah Sukan Bukit Jalil.
- Majlis Sukan Negeri Negeri Sembilan
- Institut Terjemahan Negara Malaysia
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

d) Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP)

- PUSPEN Tampin, Negeri Sembilan
- Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan Perak
- Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
- Hitech Padu Berhad Subang Jaya
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd Rawang Selangor
- Petronas Twin Tower Kuala Lumpur
- Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd
- Media Prima Berhad TV
- Pusat Tahanan Pelindungan Kemunting Taiping, Perak
- Inabah Kuala Nerang, Kedah
- Grace Home (Christian Care Centre) Pulau Pinang
- PUSPEN Bukit Chabang, Padang Besar Utara, Perlis
- PUSPEN (Wanita) Bachok, Kelantan
- Unit Anti Dadah Sempadan Pengkalan Kubor Kelantan,
- Buddist Care Centre, Gambang Pahang
- Pusat Pemulihan Dadah Persendirian
- Dong Zeng Temple Sungai Jarom Banting Selangor
- Pusat Jagaan Harian Warga Emas, Cheras Baru, Kuala Lumpur



e) Fakulti Pergigian (FPg)

- Klinik Pergigian, JHEOA, Gombak, Selangor
- Klinik Pergigian Tentera Diraja Malaysia
- Pusat Pergigian Kanak-Kanak Dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang
- Fakulti Pergigian UKM



f) Fakulti Sains Dan Teknologi (FST)

- Yakult Factory at Seremban
- SMKA, Johor Bahru, Johor
- Cybersecurity, Seri Kembangan
- UTM, Skudai, Johor
- NIOSH Bangi
- Kualiti Alam Sdn Bhd., Ladang Tanah Merah, Bukit Pelandok, Port Dickson N.Sembilan
- Pulau Langkawi
- PDS Resort, Port Dickson
- Pulau Redang Terengganu
- Semuji Agro Resort, Gambang, Kuantan, Pahang

g) Fakulti Ekonomi Dan Muamalat (FEM)

- Kementerian Keusahawanan dan Koperasi
- Bursa Malaysia
- Extreme Chocolate Sdn. Bhd.
- Lembaga Tabung Haji
- Tenaga Nasional Berhad
- Lembaga Hasil Dalam Negeri
- F & N Coca Cola (Malaysia) Sdn. Bhd



GRADUAN BERDAYA MAJU DAN MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT

Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi memastikan para pelajar USIM didedahkan kepada peranan dan tanggung jawab yang boleh menyumbang kepada masyarakat secara umumnya. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut :

1. Program Khidmat Masyarakat oleh Fakulti / Pusat/ Bahagian

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 16 aktiviti serta program yang telah dilaksanakan oleh pihak fakulti/ Pusat/ Bahagian dalam memberikan sumbangan serta khidmat terhadap masyarakat. Antara fakulti yang terlibat dengan program khidmat masyarakat sepanjang tahun 2009 adalah Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pergigian (FPg), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Sains dan Sains Kesihatan (FST), Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Unit Kebudayaan HEP.

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh FPSK adalah Bengkel Penyembelihan pada 16 – 17 Januari 2009. Dalam program tersebut, hasil penyembelihan telah diagihkan kepada Rumah anak-anak Yatim Al-Khadeem serta Pusat Perlindungan PERNIM di Kondominium Glenview, Pandan Indah. Program khidmat masyarakat oleh FPSK juga turut dilaksanakan semasa Hari Terbuka FPSK pada 4 Julai 2009. Pada 28 Februari 2009 bersempena Minggu Integriti pelajar FSU, satu program khidmat masyarakat turut diadakan di Labu, Negeri Sembilan. Pihak FPg juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan program khidmat masyarakat di Rumah Anak Yatim/Miskin Limpahan Kasih, Puchong, Selangor, di Baitul Mahabbah, Seremban, Negeri Sembilan. Selain itu perkhidmatan komuniti mereka seperti pemeriksaan gigi percuma sempena hari pendaftaran pelajar baru sesi 2009/2010, sempena Majlis Konvoikesyen Ketujuh USIM serta semasa Majlis Perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan Pelancaran e-Klinikal. FST turut menjalankan kerjasama dengan Masjid Putra Nilai dalam menjayakan Khidmat Komuniti. Pusat Kokurikulum turut sama dalam menjayakan program khidmat masyarakat menerusi program di di Balai Polis Bukit Kepong, Kampung Batu Sawar, Temerloh, Pahang, dan di Pusat Latihan Pertahanan Awam (PULAPA) di Baling, Kedah.

Program tahunan OPKIM Rembau oleh Bahagian HEP juga menjadi agenda dalam merealisasikan hasrat Universiti agar para graduan memberikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Begitu juga dengan program sukarelawan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh Bahagian ini. Di samping itu juga, Unit Kebudayaan BHEP telah berkampung di Kampung Pida 5 Baru, Jerlun Kedah pada 17 – 20 Jun 2009 untuk menjayakan aktiviti Khidmat Seni Budaya 2009 yang telah dirasmikan oleh YB. Dato' Mukhriz Tun Mahathir.

2. Program Khidmat Masyarakat Oleh Pusat Pengajian Umum (PPU)

Pada tahun 2009, Pusat Pengajian Umum (PPU) telah menawarkan program sijil kepada masyarakat setempat yang mempunyai asas dalam bacaan Al-Qur'an dan berminat mempelajari Bahasa Arab. Pada semester 1 bermula pada 13 Jun 2009, PPU telah menawarkan Sijil Talaqqi Al-Qur'an, Sijil Bahasa Arab Komunikasi, dan Sijil Undang-undang Keluarga Islam dan Masyarakat. Program ini berlangsung selama 12 minggu. Pada Semester 2 pula, PPU menawarkan program yang sama kepada masyarakat setempat dengan tempoh masa 12 minggu bermula pada 7 November 2009. Proses pembelajaran masing-masing bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Di samping itu juga, PPU telah mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Negara China apabila Kursus Imam Muda Negara China Kali ke-4 telah diadakan di USIM bermula pada 19 Oktober – 13 November 2009. Kursus ini telah disertai oleh 20 imam muda dari Negara China.

3. Program Khidmat Masyarakat Oleh Pusat Tamhidi

Di peringkat Pusat Tamhidi, sebanyak 6 aktiviti pembangunan sahsiah, jati diri dan kepimpinan pelajar telah dilaksanakan sepanjang 2009. Bermula pada 23 Feb – 1 Mac 2009, Minggu Integriti Pelajar Peringkat Pusat Tamhidi telah dianjurkan bertujuan menyahut seruan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) di kalangan pelajar. Program ini telah diadakan di sekitar kampus USIM. Antara aktiviti luar yang diadakan oleh Pusat Tamhidi ialah Program Rehlah Ukhwah Islamiah, Kembara Insaniah SCI Tech 2009 di Dusun Eco Resort, Pahang yang disertai oleh pelajar Tamhidi Sains & Teknologi. Di samping itu juga, Perkhemahan Antarabangsa oleh pelajar antarabangsa Pusat

Tamhidi semester 2, 2008/2009 telah diadakan di Pantai Bagan Lalang Sepang, Selangor yang bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar antarabangsa serta sedikit sebanyak mengurangkan tekanan dalam proses pembelajaran. Selain itu, semangat berpasukan dan keyakinan diri juga dapat dipupuk di kalangan pelajar. Pada 8 Oktober 2009, Program Solat Hajat Perdana Pelajar Tamhidi telah mengakhiri aktiviti pembangunan sahsiah dan jati diri Pusat Tamhidi. Solat Hajat ini diadakan di Dewan Masjid Bandar Baru Nilai. Tujuan Program ini adalah untuk memberi sokongan moral kepada para pelajar dalam menempuh musim peperiksaan.

GRADUAN BERNILAI TAMBAH TINGGI

Pendedahan terhadap pelbagai aktiviti atau program bagi memastikan graduan yang dihasilkan oleh USIM mempunyai nilai tambah yang tinggi dipasaran pekerjaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Aktiviti Pembangunan Sahsiah, Jati Diri dan Kepimpinan Pelajar oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Fokus utama Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM terhadap aktiviti pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar adalah meningkatkan keyakinan diri dan membentuk keperibadian pelajar. Sehubungan dengan itu, pelbagai program seperti Pameran Kenali Diri pada 10-13 Februari 2009 yang bertujuan untuk membantu pelajar mengenali diri mereka dan melatih diri mereka untuk menjadi mahasiswa universiti yang cemerlang. Dalam usaha membentuk kepimpinan para pelajar pula, program-program seperti Kejohanan Debat, Bengkel Bijak Belajar, Pengurusan Masa Berkesan, Bengkel Bakal Calon MPP, pelbagai forum, Kem Kecemerlangan, Seminar dan sebagainya telah dianjurkan. Secara keseluruhannya, terdapat lebih 100 aktiviti telah dianjurkan oleh Unit/Kelab/Persatuan Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk sepanjang tahun 2009.

2. Aktiviti Pembangunan Sahsiah/Jati Diri Dan Kepimpinan Pelajar Oleh Fakulti

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

FPQS telah berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti untuk mengisi kerohanian dan peribadi pelajar. Antaranya, Bengkel Tahsin Al-Quran, Nadwah Tarannum Al-Quran, Nadwah Tafsir dan Musabaqah Hifz Al-Quran. Manakala, Kempen Integriti, Eksplorasi Ulu Bendul, Bengkel Kepimpinan FPQS, Syarahan Umum FPQS dan Kolokium Pemantapan Graduan adalah antara program yang dianjurkan oleh FPQS untuk membantu menerapkan nilai-nilai kepemimpinan dalam setiap pelajar.

Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)

FSU telah menganjurkan beberapa program yang bertujuan mengasah bakat pelajar dalam bidang undang-undang. Antara program yang telah dijalankan ialah menyertai Pertandingan *The Phillip C. Jessup International Law Moot Court* pada 28 Januari 2009. Selain itu, para pelajar FSU juga turut menyertai Pertandingan Mahkamah Mut Syariah, menghadiri Bengkel Persediaan Latihan Industri Fakulti dan Undang-Undang, Latihan *Law Asia International Moot* Peringkat Kebangsaan dan turut menyertai Latihan *International Humanitarian Law Moot Court Competition* Peringkat Kebangsaan.

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)

Sebagai sebuah Fakulti yang unik dengan menggabungkan tiga program yang berlainan, FKP berjaya menganjurkan 21 program yang bertujuan untuk membentuk kepimpinan dan keperibadian pelajar. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah *Educational Trip “One Step to Success”*, Program Motivasi Pemantapan Akademik, Program Minda Cemerlang, Program Komunikasi Kem Kecemerlangan “Kita Mampu”, Kursus Bina Negara Asas dan sebagainya.

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)

FEM berjaya menganjurkan 9 aktiviti atau program yang berkaitan dengan pembentukan sahsiah dan kepimpinan pelajar. Antara program yang dianjurkan ialah Industrial Training Modul, Bengkel Penghayatan Akademik, Bengkel Seribu Langkah Untuk Bakal Graduan dan beberapa ceramah seperti ceramah oleh Chartered Tax Institute of Malaysia, *Financial Service Talk*, *Public Sector Accounting Lecture Series*, *Accounting Case Talk* dan *Industrial Talk*. Oleh kerana fakulti ini lebih menerapkan kepada program keusahawanan dan inovasi, maka fakulti ini lebih menumpukan kepada program keusahawanan seperti *Islamic Convention Entrepreneurship (ICEPS)* dan *UUM-Pribumi Investment Camp*.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)

Sebanyak 14 program berkaitan sahsiah dan kepimpinan pelajar telah berjaya dianjurkan oleh FPBU. Antara program yang dijalankan ialah Program Pembudayaan Bahasa Arab, Program Mughomarah Zihni, Program Asas Kemahiran Isaniah Pendidik, Bengkel Kecemerlangan Akademik, Bengkel Persediaan Latihan Industri dan Seminar Pendidikan Asas Kajian Tindakan dan Pentaksiran 2009. Selain daripada itu, program yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan di kalangan pelajar turut dijalankan. Antaranya, Program Ribatul Sillah, Malam Aspirasi Pendidik dan Program Jaulah Mahabbah.

Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

Bagi tahun 2009, sebanyak 25 program telah dijalankan dengan jayanya oleh FST. Antara aktiviti/program yang berkaitan tentang pembentukan sahsiah dan peribadi pelajar ialah *Talk on Career Opportunity in Library Science and ISA, Workshop to Explore the Self Potential, National Competition on Research and Innovation* di Universiti Sains Malaysia (USM), *Expedition in Pursuit Konwledge, Community Service Program* dan sebagainya. Selain itu, terdapat pelbagai bengkel turut dijalankan seperti *Establishing Secure (Stengthening) the Curriculum, Revision of Vision, Mission and Objective of FST, Statistic Workshop, Thesis Writing* dan sebagainya.

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)

FPSK telah menganjurkan program pembangunan sahsiah, jati diri dan kepimpinan bertempat di Masjid Al-Azim Pandan Indah pada 16 Januari 2009. Di samping itu, Selain daripada itu aktiviti luar kampus seperti *English Gateway* telah diadakan di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 20 Februari 2009 dan juga 1st Annual Health Conference yang diadakan di Hotel Berjaya Times Square pada 20 November 2009.

Fakulti Pergigian (FPg)

FPg turut terlibat dalam program bantahan terhadap Regim Zionis apabila mereka menyertai Rapat Umum Sokongan kapada Palestin dan bantahan terhadap Israel dan sekutunya pada 13 Januari 2009 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia. Di samping itu, FPg menyertai Perarakan Maulidur Rasul yang diadakan di Kampus Nilai pada 13 Mac 2009. FPg juga tidak ketinggalan dalam mengadakan Hari Keluarga FPg dan Kejohanan Sukan Inter-Varsiti yang masing-masing berlaku di dalam kampus utama USIM.

LAPORAN KECEMERLANGAN USIM

KECEMERLANGAN PERINGKAT JABATAN			
TARIKH	MAKLUMAT	JABATAN	PINGAT
19-21 Februari 2009	Sistem e-UNDI dan U-GRADS USIM menang di <i>Malaysian Technology Expo 2009</i>	Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM)	a) Perak (Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) (eUNDI) b) Gangsa (Sistem Paparan Graduan) (U-Grads).
8-10 Oktober 2009	PECIPTA 2009 1) New Source of Citral from Lemongrass Flowers 2) Rush Tea - Roselle Tablet Tea 3) COMBAT –PSDA 4) RecoTAC- E	Prof. Madya Dr. Ahmed Mahir Mohamed Mokhtar Bakri Prof. Salmah bt Yusof En. Abd. Halim Mohd Hussin En. Abd. Halim Mohd Hussin	Perak Gangsa Gangsa Gangsa
19-21 November 2009	Pameran Brussels Innova 2009, Belgium 1) New Source of Citral from Lemongrass Flowers 2) COMBAT –PSDA	Assoc. Prof. Dr. Ahmed Mahir Mohamed Mokhtar Bakri En. Abd. Halim Mohd Hussin	Emas Emas

KECEMELANGAN PERINGKAT JABATAN			
TARIKH	MAKLUMAT	JABATAN	PINGAT
24 November 2009	Hari Innovasi KPT 2009	Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM)	Johan (Pertandingan Laman Web Kategori IPTA Malaysia Tahun 2009) Juara Kseseluruhan Pertandingan Laman Web Tahun 2009 KPT

KECEMERLANGAN PERINGKAT PELAJAR			
TARIKH	MAKLUMAT	JABATAN	PINGAT
27 Februari 2009	Filem Pendek Terbitan USIM menang anugerah Pertandingan ASTRO KIRANA Short Film Awards 2008/2009	Pelajar Komunikasi USIM Jurusan Penyiaran	Tersenarai dalam Pertandingan Astro Kirana Short Film Awards 2008/2009 dan telah memenangi Anugerah "Audiences Choice Award".
6-14 Februari 2009	Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM 2009	Kelab Debat USIM & HEP	Tempat Ketiga
18- 25 Februari 2009	Program Berketrampilan Anggun (PEKA)	Individu- Pelajar FPBU	Naib Johan
Mac 2009	Pertandingan Rekacipta Menara KLCC Inter-Fakulti 2009	Sekretariat Rakan Muda USIM	Johan
7, 8 & 14 Mac 2009	Debat Inter Fakulti Piala Naib Canselor 2009 (Bahasa Arab)	Kumpulan Pelajar Tahun Tiga Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)	Naib Johan
21 Mac 2009	Festival Teater Negeri Sembilan	Teater (ATRA)	Johan
Pertengahan Tahun 2009	Choral Speaking Bahasa Arab Anjuran Jabatan Perpustakaan	Kumpulan Pelajar FPBU	Johan
Pertengahan Tahun 2009	Pertandingan Busana Muslimah Anjuran Sekretariat Naib Yang Dipertua Pelajar	Individu-Pelajar Tahun Tiga FPBU	Johan
16-18 Mei 2009	National Research & Innovation Competition 2009 (NRIC 2009) 1) <i>The Formulation of High Fibre Guava Cookies from Different Parts of Pink Guava Fruit</i> 2) <i>Software Agent for Registry Repair & Maintenance (Spyjak Antivirus Software)</i> 3) <i>New Feldspar-Immobilized Biocatalysts for Organic Synthesis</i> 4) <i>Antimicrobial Activity of Essential Oils from Cymbopogon nardus & Cymbopogon flexuosus</i> 5) <i>Clarification of Pink Guava Juice by Enzymatic Treatment</i>	Nur Sakinah Norkhair, Norhayati Maurof & Syarifah Noor Husna Syed Adnan (Prog. Bioteknologi Makanan, FST) Mohd. Aizat Zulkifli (Prog. Keselamatan & Jaminan Maklumat, FST) Siti Hanna Ahmad Ahfrai, Norain Yahya & Nor Hidayah Mat Zln (Prog. Bioteknologi Makanan, FST) Mohamad Akmal Aidi Kamarulzaman, Mohd Rizal Abas & Zakiah Mamat (Prog. Bioteknologi Makanan, FST) Siti Radhiah Omar, Nurfariza Mhd. Hassan & Norsyazielah Salleh (Prog. Bioteknologi Makanan, FST)	EMAS & "Special Project Award: Sustainability" *Pemenang SPECIAL PROJECT AWARD: SUSTAINABILITY turut membawa pulang cek bernilai RM3,000.00 dan sebuah piala. Perak Gangsa Gangsa Gangsa
6 Julai 2009	2009 SHELL Project Better World a Special Competition on Environmental Sustainability Project Final Judging	SIFE USIM 1) Jurucakap: Mohamad Amin Razaly Mohd Tarmizi Md Nor 2) Bendahari: Mohd Afifuddin Bin Esham 3) Koordinator Projek : Ohd Noor Faris Zool 4) Teknikal: Mohd Fakhruddin Adnan 5) Jurukamera : Ahmad Radhi Mat Shah	Tempat Ke-2 (RM2,000)

KECEMERLANGAN PERINGKAT PELAJAR			
TARIKH	MAKLUMAT	JABATAN	PINGAT
17 Julai 2009	Pertandingan Nasyid Intervarsity Ekstival KUIS 2009	Kumpulan Nasyid Interacksee)	Naib Johan
Julai 2009	Pertandingan Suara Ibnu Sina 2009	Kumpulan Nasyid Interacksee)	Naib Johan
26-27 Julai 2009	Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka MAKUM 2009, UNIMAP	Saudari Siti Nabila Mohd Jalani	Tempat Ketiga
5 Ogos 2009	FILEM PENDEK ‘PERMATA BONDA’ MENANG AWARD DI FESTIVAL FILEM MALAYSIA KE-22	FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN	Filem Pendek Terbaik Hadiah trofi dan wang tunai sebanyak RM 15,000
17 – 20 Ogos 2009	USIM JOHAN PERTANDINGAN PIDATO KEMERDEKAAN ANJURAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	Saudara Mohd Ikhwan bin Mohd Rosseli pelajar tahun 2 Fakulti Syariah dan Undang-Undang	Johan
11 Oktober 2009	Festival Nasyid Kemerdekaan Peringkat IPT-Peringkat Kebangsaan 2009	Kumpulan Nasyid Interaksee	Naib Johan
16 Oktober 2009	Manifestasi Kesenian Malaysia	Tarian (Fansuri) Kumpulan Nasyid Interaksee Teater (ATRA)	Anugerah Kumpulan Terbaik Anugerah Kumpulan Terbaik Kategori Emas Anugerah Kumpulan Terbaik
16-17 Oktober 2009	Festival tari MAKUM 2009 di UKM	Tarian (Fansuri)	Anugerah Khas Juri
17 Oktober 2009	Sanggar Puisi Antarabangsa Piala Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor	Saudari Siti Aishah Tambi Chik Saudara Ahmad Faiz Ab Aziz Saudara Abu Baccarm Saho	Pemuisi Terbaik Anugerah Juri

AKTIVITI INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

1. Penglibatan Pelajar Terhadap Inovasi dan Pengkomersilan oleh Pusat Tamhidi

BIL.	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	20 – 22 Feb 2009	Langkawi	Program Jejak Pengurusan Korporat telah diadakan oleh Pelajar Tamhidi Perakaunan & Muamalat. Objektif program tersebut adalah bagi mencetuskan minat mendalam pelajar untuk membuat penyelidikan tentang cara sesebuah organisasi memasarkan produk semulajadi & mampu kekal berdaya saing dengan produk lain yang lebih lama di pasaran disamping untuk mengetahui cara terbaik untuk membuka sesuatu perniagaan.
2.	07 – 08 April 2009	IKS di Negeri Melaka	Lawatan Ke IKS bagi Pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat telah dianjurkan bagi mendedahkan pelajar bagaimana sesebuah industri kecil dapat berkembang, memasarkan produk mereka dan kekal berdaya saing disamping melatih pelajar untuk menjadi lebih peka terhadap peluang-peluang di dalam pembiayaan selain dapat melihat kepakaran dan teknologi yang digunakan oleh setiap IKS.

2. Pendedahan Kepada Para Pelajar Terhadap Inovasi dan Pengkomersilan oleh Fakulti

BIL.	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	5 Januari 2009	Meeting Between The First Student Group of ASRM with External Valuer of ASRM, Prof. Dr. Jeyaraj Vadiveloo	FST
2.	12 – 15 Jan 2009	Information Technology Week of FST 2009	FST
3.	17 Januari 2009	Pertandingan Reka Cipta Multimedia Peringkat USIM	FPQS
4.	5 – 8 Februari 2009	Islamic Convention Entrepreneurship (4th iCEPS) 2008	FEM
5.	26 Februari 2009	UUM-Pribumi Investment Camp	FEM
6.	5 Mac 2009	Seminar Saintifik First Dental Student Scientific Conference (FDS)	FPg
7.	28 Mac 2009	Seminar Kajian Quran dan Hadis di Era ICT 2009 (kali ke-2)	FPQS
8.	1 April 2009	Introduction New Product Day 2009	FST
9.	15-16 Julai 2009	Halal Food Seminar (Hafos '09)	FST
10.	4 Ogos 2009	Herbal Garden Programme	FST
11.	12 August 2009	Discussion Programme on Industrial Chemical Technology with Prof. Dr. Shanker Lal Gragh, Senior Fellow at International Congress of Chemistry and Environment, India	FST

BIL.	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
12.	24 August 2009	Talk by Guest Speaker, i.e Ian Roslan from SKMM, entitled 'ICT Input Development'	FST
13.	7 Oktober 2009	Perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan Pelancaran sistem e-Klinikal	FPg
14.	16 Oktober 2009	Seminar Kerjaya Quran dan ICT 2009, FPQS	FPQS
15.	18 November 2009	Workshop on Industrial Training Exposure FST	FST
16.	1 - 6 Disember 2009	IT Business Competition 2009	FST
17.	28 Disember 2009	2009 Seminar on Financial Mathematics (FiMacs'09)	FST
18.	28 Disember 2009	Seminar on Financial Mathematics	FST

PENDEDAHAN PELAJAR TERHADAP AKTIVITI MEMANTAPKAN KEMAHIRAN INSANIAH

1. Pendedahan Pelajar Terhadap Aktiviti Memantapkan Kemahiran Insaniah oleh Pusat Tamhidi

BIL.	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	18 Mac 2009	Dewan Kuliah Pusat 4, USIM	Islamic English Song Competition bagi Pelajar Tamhidi Sesi Akademik 2008/2009 bertujuan menggalakkan semangat kerjasama, memupuk persaingan sihat di kalangan pelajar serta membina tahap keyakinan pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris.
2.	11 Julai 2009	Dewan Kuliah Pusat 3, USIM	Seminar Persediaan MUET 2009/2010 telah diadakan dengan objektif sebagai memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai kriteria yang akan diuji dalam MUET. Selain itu, sebagai latihan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan MUET pada bulan Oktober 2009 dan meningkatkan "mastery skill" pelajar dalam empat komponen yang diuji dalam MUET iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

2. Pendedahan Pelajar Terhadap Aktiviti Memantapkan Kemahiran Insaniah oleh PPU

BIL.	TARIKH	TEMPAT	NAMA AKTIVITI/PROGRAM
1.	21 & 28 Mac 2009	FKP dan FSU	MUET Clinic 2009
2.	5 Mei 2009 - 16 Jun 2009 (setiap Selasa)	FKP dan FSU	Arabic Language Support Programme 3 (ALSP 3), Sesi 2008/2009
3.	7 Mei 2009 - 18 Jun 2009 (setiap Khamis)	FKP dan FSU	English Language Support Programme 3 (ELSP 3), Sesi 2008/2009
4.	30 Jun 2009 - 2 Julai 2009	FKP dan FSU	English Language Support Programme 1 (ELSP 1), Sesi 2009/2010
5.	3 - 5 Julai 2009	FKP dan FSU	Arabic Language Support Programme 1 (ALSP 1), Sesi 2009/2010
6.	1 - 4 Disember 2009	FKP, FSU, FPQS & FEM	Arabic Language Support Programme 2 (ALSP 2), Sesi 2009/2010
7.	5 - 8 Disember 2009	FKP, FSU, FPQS & FEM	English Language Support Programme 2 (ELSP 2), Sesi 2009/2010

3. Pendedahan Pelajar Terhadap Aktiviti Memantapkan Kemahiran Insaniah oleh Pusat Kokurikulum

BIL	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
PUSAT KOKURIKULUM			
1.	4 April 2009	Hari Kokurikulum Semester II Sesi 2008/2009	Telah dijalankan di Stadium Tertutup Nilai
2.	23 Mei 2009	Pameran Sempena Pendaftaran Pelajar Tamhidi Sesi 2009/2010	Telah dijalankan di Dewan Pusat Kuliah 2 USIM.
3.	23 - 25 Jun 2009	Bengkel Pembangunan Hala Tuju & Permumian Silibus Kursus Pusat Kokurikulum	Telah dijalankan di Tsui Sien Private Room, Allson Klana Hotel Putra, Nilai
4.	27 Jun 2009	Pameran Kokurikulum bagi Minggu Ta'aruf Sarjana Muda Sesi 2009/2010	Telah dijalankan di Stadium Tertutup Nilai.
5.	28 - 30 Oktober 2009	Bengkel Penilaian Pengajaran Kursus-Kursus Unit Beruniform Pusat Kokurikulum	Telah dijalankan di Bayu Beach Resort Port Dickson
BULAN SABIT MERAH			
1.	21 - 22 Mac 2009	Kursus Intensif dan Pertolongan Cemas dan CPR	Telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Utama FKP.
2.	1 - 2 Ogos 2009	Program Orientasi Bulan Sabit Merah Sesi 2009/2010	Telah dijalankan di PDS Training Camp & Resort (NSGCC)
3.	23 Mei 2009	Malam Citra dan Budi	Telah dijalankan di Nilai Spring
4.	18 Julai 2009	Kursus Pengurusan Organisasi Bulan Sabit Merah Sesi 2009/2010	Telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Utama FKP .
5.	18 Nov 2009	Bengkel Permumian Rangka Kursus Bulan Sabit Merah (BSM)	Telah dijalankan di Dataran Selera USIM
SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM			
1.	7 - 9 Mac 2009	Latihan Medan Siri 1/2009	Program ini telah dijalankan di Hutan Lipur Ulu Bendul Kuala Pilah
2.	27 - 30 Jun 2009	Kem Tamat Latihan Lanjutan Kor SISPA Semester II Sesi 2008/2009	Telah dijalankan di Hutan Lipur Gunung Senyum, Pahang
3.	24-26 Julai 2009	Program "Taaruf" Anggota Siswa Siswi Pertahanan Awam Semester I 2009/2010	Telah dijalankan di Taman Malaysia, Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan
4.	22 Jun 2009	Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra (MARIS'09)	Telah dijalankan di Alson Klana, Nilai
5.	28 Jun 2009	Tamat Latihan Lanjutan dan Khidmat Masyarakat	Telah dijalankan di Kampong Batu Sawar, Temerloh, Pahang dan dirasmikan oleh Ketua Kampung Batu Sawar.
6.	21 - 22 November 2009	Program Khidmat Masyarakat	Telah dijalankan di Pusat Latihan Pertahanan Awam (PULAPA) Baling, Kedah.
7.	22 - 24 November 2009	Program Latihan Lanjutan	Telah dijalankan di Kuala Woh Tapah, Perak



BIL	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
SUKARELAWAN SISWA SISWI POLIS			
1.	31 Januari - 1 Februari 2009	Program Khidmat Masyarakat dan Jiwa Murni	Telah dijalankan di Balai Polis Bukit Kepong.
